

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS PECAH
TANAH DAN PELANCARAN PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH
BAKAT MADANI SKYWORLD PEARLMONT**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : PLOT 1, LOT 5320, SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

Date : 19/07/2025

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI UTAMA ANWAR BIN IBRAHIM PERDANA
MENTERI MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH DAN PELANCARAN PROJEK
PEMBANGUNAN RUMAH BAKAT MADANI SKYWORLD
PEARLMONT**

19 JULAI 2025 (SABTU) | 2:00 PETANG

PLOT 1, LOT 5320, SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera.

Ge Wei Lai Bin Da Jia Hao,

Saudara saudari,

Vanakkam.

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,

Ketua Menteri Pulau Pinang;

Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming,

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid,

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang;

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng;

Yang Berbahagia Datuk Seri Ng Thien Phing,

Pengerusi Eksekutif SkyWorld;

Dan seluruh group SkyWorld, rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Hari ini di Seberang Jaya, Pulau Pinang, kita dapat berita gembira, kerana pemaju ini mempunyai reputasi yang diterima di peringkat dunia. Tetapi kita ucap tahniah, salute dapat international award. Tetapi ini Seberang Jaya, dia silap, dia jaga. Kerana ini saya jadikan kalau berjaya, ini satu contoh. Konsep modular, cepat dan dari segi kecekapan teknologinya – canggih, reputable, and had been proven to be the latest state of the art in terms of modern construction, particularly public housing.
2. Jadi oleh itu, SkyWorld harus jadikan ini sebagai contoh model supaya kita dapat promosi sebagai satu program nasional yang penting, dan saya percaya boleh dikembangkan di negara-negara ASEAN kerana semua pemimpin-pemimpin negara bercakap soal public housing di antara perkara yang ditekankan.
3. Di Malaysia, selain daripada pembangunan, pelaburan yang tinggi dan kejayaan teknologi maklumat, artificial intelligence (AI), digital dan kejayaan Pulau Pinang umpamanya dalam bidang itu, mewarisi apa yang YB Lim Guan Eng lakukan dan sekarang Ketua Menteri Chow Kon Yeow, tetapi dari segi rakyat, mereka hendak tahu gerai dia, warung dia elok di jaga, rumah-rumah cukup untuk rakyat kerana yang tunggu untuk mendapat rumah yang agak selesa itu masih terlalu ramai.
4. Sebab itu di Kuala Lumpur, di Putrajaya, baru-baru ini saya luncurkan Perumahan MADANI dalam konsep yang sama. Tetapi

SkyWorld, tentunya teknologi yang lebih canggih. Jadi dia kata dia lebih cepat. So, I want to compete fairly. And of course, I have a personal interest, not in shares but in giving the best, together with the state government, for the people here. So, you are quite fortunate, you have a reputable company, housing developer with impeccable credentials internationally. You have a very dynamic Minister, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) and you have a super-efficient state government, I salute them.

5. Ini kelulusan untuk projek ini, dan tadi saya melancarkan projek pembangunan Bumiputera, Tunas MADANI, Bakat MADANI. Itu kelulusannya itu rekod di Malaysia, belum ada kelulusan Majlis Bandaraya, Kerajaan Negeri secepat yang mereka luluskan. Dan ini akan memberikan harapan kepada kita. Bila kita pendekkan masa, kita reduce cost, kerana holding cost untuk projek ini, kalau sanggup lima (5) tahun, dia ada holding cost. Ini kita percepatkan. Jadi ini semua berlaku kerana pendirian Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai di semua peringkat. Jadi saya nak sampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan Kerajaan Persekutuan keseluruhannya kepada seluruh jentera yang membantu.
6. Dan seperti mana kita tahu, hari ini politik macam-macam. Baru-baru ini, soal Kehakiman. Riuh rendah, rosak sistem. Lepas itu apabila umum, selesai rupanya, kerana yang bawa cerita hasut ini, dia tak kira fakta, dia hanya hendak bagi orang marah. Padahal dia tahu sistem kita. Ada Suruhanjaya, bagi kepada Perdana Menteri, kemudian rujuk kepada Yang di-Pertuan Agong, kemudian bawa kepada Majlis Raja-Raja, itu prosesnya. Sebab itu, apabila ditanya

sebelum proses ini, saya tidak boleh jawab. Kerana saya kena hormat proses, hormat Yang di-Pertuan Agong. Ya betul, Perdana Menteri ada kuasa untuk memberi cadangan tetapi Yang di-Pertuan Agong harus diberi penghormatan sebagai Yang di-Pertuan Agong dan kemudian kepada Majlis Raja-Raja. Selesai, bila diumumkan, haaa pulak ada yang sokong, hah tengok itu betul. Sabarlah sekejap, ini masalah kita ini. So, alhamdulillah, this is settled.

7. Sekarang orang bangkitkan pulak isu-isu lain. Oh, nak timbulkan pula masalah ini negeri Melayu, Melayu kena jaga. Memang kita jaga Melayu, saya Melayu, saya nak jaga orang Melayu, tidak payah saya apologetik yes, I have to make sure that the Malays feel that they are together in this development. Tetapi sepertimana yang saya sebut, I am the Prime Minister of this country, I have to take care of the Malays, the Chinese, the Indians, the Kadazans, the Ibans, they are part of my big family. Kalau tidak boleh faham itu macam mana hendak jaga Malaysia. YAB Chow Ketua Menteri Pulau Pinang. Dia Ketua Menteri rakyat Pulau Pinang, dia kena jaga Cina, Melayu, India. Menteri KPKT begitu juga, kita tengok pembangunan, katalah sekarang ini Bakat MADANI cakap dengan Nga Kor Ming, okay projek semua beli. Dia kena pasti ada India di situ, ada Melayu di situ, ada Cina di situ. Walaupun kita kata “free for all, anybody can buy”. It is true, but we have to take care of sensitivity. Jangan pula orang India kata “semua tak ada rumah, yilek“, tidak boleh. Jadi ini dia Malaysia. Jadi saya harap kita faham yang ini.
8. Ada projek kerana khusus, PPRT, sekarang projek perumahan. Jadi bukan sahaja Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tetapi syarikat pun harus faham sensitiviti itu, kerana dia sebahagian

daripada negara. Tidak boleh kita ada projek umpamanya yang mengetepikan mana-mana kaum. Ada projek ini kemudian tengok-tengok tak ada Melayu, tak ada India, jadi juga masalah. Jadi inilah yang kita cuba hidupkan dalam Kerajaan MADANI ini. Tetapi bila mereka suarakan, dia kata kita tidak jaga orang Melayu, habis harta orang Melayu, habis tanah orang Melayu, habis syarikat-syarikat Melayu. Itu yang seperti mana saudara saudari dengar beberapa hari yang lalu di Alor Setar.

9. Kita kena jaga, kita catat beberapa kejayaan. Bayangkan umpamanya, Malaysia boleh buat rekod ASEAN + GCC + China. Belum pernah berlaku, negara Arab boleh setuju, ASEAN boleh setuju dan kita boleh balance supaya Amerika jangan ada masalah, negara-negara lain kita jaga. Kita masuk BRICS tapi kita masih ada hubungan baik dengan Amerika Syarikat, kita berdagang dengan Amerika, tapi kita berkawan baik dengan China. Ini untuk apa? Ini hendak jamin keselamatan negara kita dan rakyat kita. Tetapi saudara tahu, tak boleh capai ini kalau kita tidak bersatu. Tak boleh capai ini kalau kita fokus ikut kaum sahaja. Kalau kita timbul benci, problem sekarang ini tanam benci, takut, bawa rasa takut. Orang Melayu kena jaga kerana Kerajaan ini Kerajaan pelbagai kaum, Melayu kena pimpin. Apa saya ini bukan Melayu ke? Ini masalah saya minta kawan-kawan di Pulau Pinang share, faham benda ini. This is the narrative and we have to fight them. Why? Kita kena selamatkan negara kita.
10. Ada orang kata “Anwar, ini projek perumahan, apa saya cakap pasal politik?” Saya bukan bercakap pasal parti politik, saya cakap soal survival Malaysia sebagai negara aman dan berjaya. Untuk aman dan berjaya we have to work together. We are one people, one great

Malaysian country, we have to make sure that we survive for the future of this country. Itu sebabnya sama ada projek perumahan ke, sekejap lagi saya nak ke Balik Pulau, saya tak tinggal tajuk ini. Apa erti, if you mahu buat rumah kalau negeri kacau bilau, sistem tak betul. You nak buat projek you kena bagi RM10 juta dekat Perdana Menteri dulu. Tapi you tanya dia, ini projek bilion di sini dan Batu Kawan, saya minta apa dekat dia? Saya tak minta komisen daripada syarikat, jangan bimbang. Kalau esok saya minta, tolong ada orang miskin, tolong sekolah-sekolah keliling ini, tolong masjid ke syarikat-syarikat membantu, itu saya akan minta. Saya tak minta puluh-puluh juta sepertimana amalan dulu. Dan orang ini yang jadi hero sekarang bercakap hendak jaga Melayu, anak satu bilion ringgit. Ada satu lagi keluarga dia 4 bilion ringgit, berniaga apa? Tak tahu. apa meniaga? We don't know. Berapa wang? 4 bilion ringgit. Ada seorang bekas Menteri, 2 bilion ringgit. Meniaga apa? Tak tahu.

11. Tak boleh saudara-saudara. Kalau nak selamatkan negara ini, pimpinan kena bersih. Kemudian bila sudah jatuh, tidak ada jawatan, marah. Tapi kes masing-masing ratus juta. Ada dahulu Tan Sri Syed Mokhtar bagi ratus juta masuk bank akaun dia untuk parti. Saya jadi Perdana Menteri saya telefon Tan Sri Syed Mokhtar, tanya betul ke bagi? Betul memang ada kes sekarang. Jadi saya kata "Oh you ada duit lebih? Tolong pesawah miskin di Kedah". So immediately dia approve RM60 million. Untuk siapa? Untuk pesawah padi miskin di Kedah. Tapi ini tidak dicakap. Yang dicakap kita tindas, kita tak tolong Melayu. RM60 juta ringgit itu untuk orang Melayu miskin di Kedah.

12. Jadi saudara-saudari, saya harap kita jaga kedudukan kita dan negeri kita dan kita pastikan projek-projek seperti ini didukung. Syarikat ini syarikat majoriti Cina, Cina Malaysia. Oh, dia kata, “Pasal Anwar datang rasmi.” Saya datang rasmi pun bagi saya ini syarikat Malaysia, itu pertama. Keduanya, efisien, dunia boleh iktiraf, saya pun iktiraf. Kemudian apa lagi, dia boleh buat projek cepat, kos rendah, kualiti baik dan rakyat yang beli dia suka. Jadi itu sebab mengapa saya minta kementerian, kerajaan, negeri. Beberapa kali saya mesyuarat, ini projek ini kena ingat. Saya mesyuarat, just to make sure things happen and happen fast. I said, no compromise.
13. Jadi itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Details tadi; efisien, modular, canggih, itu semua. Nga Kor Ming sudah cerita, Kor Ming ini jadi memang expert rumah dia. Esok dia pencen boleh jadi engineer. Jadi saya harap saudara Ng dan Skyworld fokus sikit. Saya tahu dia besar, projek dia satu dunia, banyak projek-projek lain but make sure this is the model project. You must give the focus because I want to see the progress. Dan saya harap bila rumah ni siap, model bukan sahaja rumah canggih tetapi penduduknya pelbagai kaum. Jadi nampak sebagai contoh where people can live together, interact with one another.
14. Dan beberapa bab yang baru, umpamanya sekarang ni perumahan arahan saya simple, nak buat, boleh. Kos kena jaga, no delay, no commission dan mesti ada semua. Sekolah kalau dua batu jauh buat apa. Kalau buat umpamanya tabika, bapa di atas, ibu di atas, tabika di bawah you tak bimbang sekuriti, you tak bimbang pengangkutan. You save kos pengangkutan. Sekolah jalan ini, you save another RM100–200 per month untuk pengangkutan. Tadika atau pra-sekolah di

bangunan itu, duduk di sebelah, you save. Jadi kalau anak prasekolah, anak di sekolah, pengangkutan you save. Jadi kalau pegawai kerajaan atau syarikat, you fokus kerja. Ini kadang-kadang datang lambat sebab apa? Nak hantar anak dulu. So, ini kita fikir this to me a modern concept yang kita boleh buat untuk rumah-rumah baru. Semua rumah di Kuala Lumpur saya syaratkan mesti begini. We will not approve kalau you tak jaga semua sekali. Sekolah kalau tanah tidak cukup, buat vertical school. Ini projek perumahan ada dedicated. Lif sekolah di situ 10 tingkat, tidak apa. Jadi bapa, ibu semua keliling itu, it is save. Tapi sekolah tentu dah baik, bukanlah 2, 3, 10 tingkat mestilah ada padang, tempat permainan, makmal dan sebagainya. Dan kos akan jauh lebih murah kalau kita serah kepada pemaju. Kalau tidak, buat benda lain pula sekolah delay lagi.

15. Ada sekolah sukan di Perlis. Saya pergi Perlis dua bulan lalu. 11 tahun ke 13 tahun belum siap. Jadi saya ambil keputusan batal projek itu dan minta syarikat besar jalankan dan siap segera. Jadi ini contoh tidak boleh, sebab orang yang tunggu sekolah dia tidak boleh sabar lagi dah. You will blame the government. Sebab itu saya kata, okey, you want approval, Yes. We approve the house. We approve the masjid or surau, we approve the hospital or clinics, we approve the school. Buat satu konsep yang komprehensif, that is what development MADANI is all about.
16. Jadi, saya harap kita akan saksikan, ini mesti cepat punya. Ketua Menteri, dan Yang Di-Pertua Bandar ini, dia tahu dah pegawai saya selalu kacau dia. Masih tidak siap-siap buat. Saya terima kasih bukan sahaja kepada Yang Di-Pertua, tapi seluruh team dia. Maksudnya, it can be done, boleh buat pun kalau boleh buat dalam masa dua bulan

dia kata, mengapa nak tunggu lapan bulan. I mean, if it is one month, it's reasonable atau one and a half month, sixty days. Okey. Tapi ni lapan bulan. Projek di Kuala Lumpur biasa, eight month, two years, tapi baru ni, bila ada projek MADANI, saya kata "No, I'm going there." Dua bulan boleh pula. No, I'm going to launch that on this date, about thirty-eight or forty days. Saya tengok boleh siap. Maknanya, it can be done. Tapi jangan compromise standard ini Dato' Seri dia pandai jaga baik-baik. You make sure all the standards, observe 100% full-proof, kerana ini projek model bagi negara kita.

17. Terima kasih sekali lagi Ng and your entire team. Terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/07/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-pecah-tanah-dan-pelancaran-projek-pembangunan-rumah-bakat-madani-skyworld-pearlmount/>